

Ibn Khaldun dan Konsep Asabiyyah : Relevansinya Terhadap Perpaduan Etnik di Malaysia

Wan Aminah Haji Hasbullah

ABSTRAK

Kertas kerja ini akan memfokuskan kepada konsep Asabiyyah yang diperkenalkan oleh Ibn Khaldun, seorang tokoh sosiologi dan sejarah Islam yang tersohor di zaman kegemilangan tamadun Islam melalui karyanya yang terkemuka, "Al-Muqadimmah". Konsep Asabiyyah yang diperkenalkan oleh Ibn Khaldun ini menekankan kepada peri penting hubungan kekeluargaan dan semangat kasih sayang yang luhur dalam mengukuhkan hubungan dalam masyarakat. Hubungan dalam masyarakat boleh dianggap sebagai suatu kesatuan yang kukuh tanpa mengira latar belakang bangsa, budaya dan penempatan masyarakat berkenaan. Justeru, konsep Asabiyyah Ibn Khaldun ini dilihat masih relevan dalam usaha untuk mengukuhkan perpaduan dan hubungan di antara pelbagai etnik di Malaysia ini. Selain usaha untuk "merapatkan" jurang perbezaan antara kaum dari pelbagai aspek, konsep Asabiyyah ini akan memberikan satu perspektif baru dalam konteks penyelidikan mengenai hubungan etnik di Malaysia iaitu terutama dari segi mengatasi masalah perpaduan kaum dan mengukuhkan perpaduan kaum dengan berteraskan semangat Asabiyyah yang diperkenalkan oleh Ibn Khaldun ini.

Kata Kunci: *Asabiyyah, hubungan dan perpaduan etnik, Ibn Khaldun*

Pengenalan

Pembentukan masyarakat berintegrasi dalam konteks Malaysia terutama sekali melalui pembinaan bangsa Malaysia adalah satu matlamat penting dalam usaha untuk mengeratkan serta memperkukuhkan jalinan hubungan antara masyarakat pelbagai etnik, budaya dan agama di negara ini. Pembinaan bangsa Malaysia telah menjadi agenda pihak kerajaan dalam usaha untuk mewujudkan model kesatuan dalam kepelbagaian yang unik dan bersepadu khususnya di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Walaupun proses ini sudahpun berlaku sejak sekian lama, namun demikian tidak dapat dinafikan bahawa ikatannya masih "longgar" dan perlu diperkukuhkan lagi. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan masyarakat yang berintegrasi secara holistik dalam usaha untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

Sehingga kini Malaysia masih mencari-cari satu formula atau asas yang kukuh bagi membentuk sebuah masyarakat yang menekankan semangat perpaduan, setiakawan dan integrasi tanpa jurang perbezaan perkauman yang ketara. Perpaduan di Malaysia pada hari ini masih memperlihatkan peranan dan dominasi kaum majoriti tanpa memberikan penekanan terhadap peranan kaum minoriti dalam kehidupan seharian. Justeru, strategi dan pelaksanaan pihak kerajaan perlu dinilai semula supaya permasalahan ini tidak berlanjutan sampai bila-bila. Sehubungan ini, penulis berpendapat bahawa konsep "Asabiyyah" yang diperkenalkan oleh tokoh sosiologi, sejarah dan sains sosial Islam yang tersohor, Ibn Khaldun boleh digunakan sebagai suatu mekanisme untuk memperbaiki serta memikirkan semula bentuk hubungan etnik yang sesuai di Malaysia terutama selepas lebih 50 tahun Negara mencapai kemerdekaan. Berdasarkan prinsip Asabiyyah, amalan persaudaraan dan ikatan kekeluargaan amat penting dalam usaha untuk memupuk nilai keharmonian yang kukuh dan murni di kalangan masyarakat pelbagai kaum dan agama.

Biografi Ringkas Ibn Khaldun

Ibn Khaldun atau nama penuhnya Abd Rahman Bin Muhammad Bin Khaldun Al-Hadrami adalah seorang sarjana Muslim yang terkenal dalam bidang sejarah dan sains sosial. Beliau juga merupakan seorang ulama dan politikus yang masyhur pada abad ke 14 dan abad ke 15. Sebagai seorang ulama, beliau mempelajari dan menguasai pelbagai ilmu meliputi bidang agama, iaitu fiqh, tafsir, hadis serta ilmu akal, iaitu mantiq, falsafah, matematik dan bahasa Arab (Siti Hawa, 2008). Beliau turut menyampaikan ilmu kepada orang ramai. Selain sebagai guru, Ibn Khaldun juga pernah menjawat beberapa jawatan penting, antaranya Ahli Persuratan di Istana Fas, Perdana Menteri di Bougie, qadhi, khatib dan hakim ketika di Mesir. Selepas kembali daripada menunaikan fardhu haji pada tahun 1387, beliau memulakan minatnya dalam bidang penulisan. Ketokohan Ibn Khaldun turut diakui oleh sarjana Barat dan menyifatkan beliau sebagai tokoh pemikir Islam yang tiada tolak bandingnya. Malah beberapa orang tokoh pemikir Barat, contohnya P.K. Hitti menyifatkan Ibn Khaldun sebagai seorang ahli falsafah sejarah Islam yang terbilang dan sarjana Islam yang agung sepanjang zaman (Siti Hawa, 2008). Manakala Arnold Toynbee dipetik daripada Muhd Halim (2007) pula berpendapat pemikiran Ibn Khaldun dalam karya agungnya, *Al-Muqadimmah* sebagai:

“A philosophy of history which is undoubtedly the greatest work of its kind that has ever yet been created by any mind in any time or place.”

Ibn Khaldun banyak menghasilkan idea-idea yang membantu kepada kemajuan dan peradaban umat Islam, termasuklah pandangan beliau tentang konsep “Asabiyyah” yang menjadi teras perbincangan dalam kertas kerja ini.

Konsep Asabiyyah Ibn Khaldun : Konsep dan Perlaksanaan

Ibn Khaldun telah membincangkan secara terperinci tentang teori kemasyarakatan dan kenegaraan serta peradaban melalui penulisannya yang terkenal iaitu “*Muqadimmah*” (The Prolegomena). Karya beliau ini telah menjadi sumber rujukan kepada pelbagai bidang dalam korpus sains sosial dan sains kemanusiaan.

Pada umumnya, konsep Asabiyyah bermaksud kesatuan (*unity*), perpaduan sosial, setiakawan, integrasi sosial, ertika sosial dan seumpamanya. Sehubungan ini konsep Asabiyyah menurut Ibn Khaldun mempunyai penggunaan yang lebih luas daripada maknanya yang sebenar. Hal ini kerana perpaduan dan integrasi sosial itu meliputi hubungan sosial yang lebih luas, malah sama pentingnya dengan “perhubungan darah” (Mohd Fauzi, 2004). Faktor Asabiyyah ini yang mengikat manusia dalam sesuatu bangsa dan komuniti atau umat agar mereka menjadi kuat dan bersatupadu.

Sehubungan ini, Ibn Khaldun menyuarakan bahawa Asabiyyah yang ditentang oleh Syara’ dan Nabi Muhammad (s.a.w) ialah asabiyyah yang menjurus ke arah negatif iaitu asabiyyah yang berlaku dalam hubungan dengan penindasan dan perbuatan zalim. Islam turut mengharamkan amalan asabiyyah yang melampau dan menghina kaum atau orang lain. Sehubungan ini, dalam Surah Al-Hujurat, ayat 11, Allah berfirman yang bermaksud :

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah sesuatu kaum itu mempersendakan kaum yang lain, mudah-mudahan kaum yang dipersendakan itu lebih baik, dan janganlah wanita mempersendakan wanita yang lain, mudah-mudahan yang dipersendakan itu lebih baik, dan janganlah kamu menghina, dan memberi gelaran buruk (sesama kamu). Alangkah buruknya nama jahat dipakai setelah beriman dan sesiapa yang tidak bertaubat, maka merekalah orang-orang yang fasik.”

Maka asabiyyah yang positif atau terpuji didokong oleh hadith Nabi Muhammad (s.a.w) yang dipetik dalam “*Al-Muqadimmah*” yang bermaksud :

“Allah tidak mengutus seorang nabi melainkan ia berada dalam lindungan kekuatan bangsanya.” (illa fi man’ati qaumihi).

Justeru, Ibn Khaldun mentafsirkan bahawa hadith yang menyebut “para imam itu mesti dari golongan Quraisy”, bermaksud bukan hanya Quraisy yang menjadi kabilah Nabi Muhammad (s.a.w) tetapi mana-mana golongan yang mempunyai kasih dan ikatan persaudaraan serta perpaduan yang kuat kepada kaumnya dan kerjasama dengan mereka untuk tujuan kebaikan hidup di dunia dan akhirat.

Walaupun ini bermula dengan hubungan keluarga dan kabilah akhirnya ia termasuk ke dalamnya mereka yang ada hubungan dengan apa cara sekalipun dengan mereka yang mempunyai asabiyyah yang awal itu. Ibn Khaldun menyatakan bahawa asabiyyah datang hanya daripada pertalian darah ataupun sesuatu yang sama seperti itu.

Dalam kajian serta pemerhatian Ibn Khaldun tentang peradaban masyarakat nomad atau disebut sebagai “umran Badwi” dan masyarakat bandar atau “umran Hadhari” pada abad ke 14, maka beliau mendapati perpaduan sosial asabiyyah kuat di kalangan puak nomad dan lemah di kalangan masyarakat bandar. Justeru, masyarakat bandar menurut Ibn Khaldun diwarnai oleh unsur-unsur kemewahan dan kesederhanaan dan mempunyai hierarki (susun lapis) yang tertentu. Manakala masyarakat nomad yang hidup di padang pasir pula adalah masyarakat yang mempunyai semangat perpaduan dan setiakawan yang kuat (asabiyyah). Perpaduan sosial bukan sekadar dilihat sebagai suatu bentuk perhubungan yang erat tetapi turut dizahirkan dalam bentuk kepentingan bersama.

Justeru Ibn Khaldun membincangkan hubungan antara peradaban dengan Asabiyyah dalam konteks proses kitaran atau jatuh bangun sesebuah peradaban atau tamadun. Dalam penulisannya “*Muqadimmah*”, Ibn Khaldun melihat bahawa perpaduan sosial yang kuat boleh membawa kepada penaklukan atau penguasaan, kemudian wujud kehidupan yang menetap dan akhirnya diruntuhkan oleh faktor-faktor kemewahan dan kehidupan di Bandar. Kemewahan boleh membawa kepada kerugian fizikal dan material. Hal ini boleh mewujudkan jurang perbezaan yang ketara antara yang kaya dengan yang miskin, yang kuat dengan yang lemah dan sebagainya. Justeru akan wujud suatu keadaan yang memperlihatkan “*the fittest will survive*”, golongan ini biasanya akan muncul sebagai golongan penakluk atau yang berkuasa dan yang lemah sudah pasti akan menjadi mangsa kepada golongan tersebut. Keadaan ini secara tidak langsung boleh menghancurkan perpaduan sesebuah kelompok yang akhirnya turut mempengaruhi kepada kejatuhan moral dan peradaban.

Menurut Ibn Khaldun lagi, peradaban pada tahap akhirnya membawa kepada keruntuhan, tidak bermoral dan berlaku segala macam bentuk maksiat. Masyarakat nomad di padang pasir yang suatu ketika dahulu dikenali sebagai masyarakat yang lurus, berani dan bersatu padu dengan ikatan Asabiyyah yang kuat telah berubah menjadi masyarakat yang tidak bermoral kerana faktor kemewahan dan kekayaan hidup di bandar.

Maka, adalah benar menurut Ibn Khaldun bahawa faktor kemakmuran dan perpaduan sesebuah masyarakat amat bergantung kepada Asabiyyah. Konsep asabiyyah yang digunakan oleh Ibn Khaldun terhadap kekuatan dan kejayaan dalam memperkasakan agama dan tamadun perlu dimanfaatkan oleh semua pihak untuk membina hubungan sesama manusia dan perpaduan di kalangan masyarakat. Oleh itu masyarakat perlu menunjukkan contoh yang baik dan berguna melalui perpaduan antara sesama mereka. Tanpa semangat Assabiyyah yang positif manusia mudah terdorong ke arah keruntuhan moral dan peradaban. Situasi sebegini bukanlah suatu perkara yang ringan malah kesannya sudah dapat dilihat juga dalam kalangan masyarakat kontemporari hari ini.

Pembinaan Bangsa Malaysia ke Arah Mencapai Perpaduan dan Integrasi Nasional

Agenda pembinaan Bangsa Malaysia masih terus menjadi perbincangan hangat di kalangan masyarakat Malaysia yang pelbagai bangsa, agama dan status. Menurut Abdul Rahman et al. (2006), pembentukan negara bangsa umumnya mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan

gagasan nasionalisme dan tumpuan kesetiaan ahli bangsa yang berkenaan. Justeru nasionalis yang unggul akan memberi sepenuh tenaga, fikiran serta jiwa dan raga demi kemerdekaan, kedaulatan dan kepentingan bangsa dan negara bangsanya. Hal ini amat ketara dalam kalangan masyarakat yang dijajah dan berusaha memastikan negara bangsa mereka terus merdeka dan tidak dijajah lagi. Ini termasuk juga apabila kita mengaitkan dengan pembinaan bangsa Malaysia. Pembinaan Bangsa Malaysia sangat berkait rapat dengan konsep perpaduan dan integrasi. Jayum (1997) berpendapat bahawa kedua-dua konsep ini sering digunakan bersilih ganti. Namun begitu, harus difahami bahawa kedua-dua konsep tersebut merujuk kepada dua proses yang berbeza. Dalam hal ini, menurut Jayum, 1997 lagi, perpaduan boleh disifatkan sebagai proses penyatuan dari semua aspek termasuk fizikal, sosial, ekonomi dan politik tetapi tidak termasuk penyatuan dari segi biologikal. Manakala integrasi pula merujuk kepada semua aspek perpaduan dan juga aspek biologikal. Sifat biologikal inilah yang membezakan proses integrasi dengan proses perpaduan itu.

Menurut mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Bangsa Malaysia adalah satu bangsa yang bersatu padu, mempunyai satu masa depan yang sama dan diperkongsikan, sejahtera dan bersatu padu di antara wilayah atau kumpulan etnik, hidup dalam harmoni dan berkongsi dengan cara yang sebenar dan adil. Malah menurut beliau lagi, matlamat Wawasan 2020 hanya akan dapat dicapai sekiranya pelbagai pihak berusaha untuk mengukuhkan perpaduan walaupun terdapat pelbagai halangan dan cabaran. Wawasan 2020 menekankan sembilan cabaran yang perlu ditangani oleh semua pihak untuk mencapai tahap negara yang maju dan progresif. Justeru perpaduan dan permuafakatan masyarakat pelbagai etnik dan agama dilihat sebagai teras kepada kewujudan Bangsa Malaysia.

Manakala Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pula menegaskan bahawa perpaduan dan permuafakatan antara kaum merupakan aspek penting ke arah mewujudkan Bangsa Malaysia. Sehubungan ini semua kaum perlu saling menyesuaikan diri dan bergaul dengan selesa selaku rakan kongsi atau subjek dalam proses pembangunan dan kemakmuran negara. Sehingga kini pelbagai dasar dan strategi telah diperkenalkan oleh kerajaan bagi mewujudkan perpaduan dan integrasi nasional samada dalam bentuk pembangunan diri, fizikal mahupun sosial. Justeru pihak kerajaan telah berusaha untuk mewujudkan pembangunan yang seimbang antara pembangunan material dan fizikal dengan pembangunan sahsiah agar dapat melahirkan masyarakat Malaysia yang mempunyai wawasan, progresif serta bermoral tinggi.

Sejauh Manakah Relevansi Konsep Asabiyyah Ibn Khaldun Dalam Membina Perpaduan Etnik di Malaysia Masa Kini : Suatu Kajian Awal

Realitinya, Malaysia kini sedang menuju ke arah negara moden dan negara industri berdasarkan matlamat dalam Wawasan 2020. Namun begitu realitinya juga sistem sosial Malaysia yang wujud tidak dapat dipisahkan dengan proses perindustrian, pambandaran serta pengurusan organisasi dan turut mengeneppikan aspek kemanusiaan. Menurut konsep Asabiyyah Ibn Khaldun, proses ini menyebabkan rakyat negara ini memilih untuk kehidupan yang lebih selesa dan turut mengejar kemewahan sehingga mengakibatkan pelbagai masalah serta gejala sosial berlaku yang turut mengganggu perpaduan dan integrasi nasional.

Seperti yang dinyatakan oleh Ibn Khaldun dalam "*Muqadimmah*", kemewahan dalam masyarakat moden menyebabkan keruntuhan nilai-nilai murni yang lazimnya dimiliki oleh masyarakat luar bandar atau desa. Masyarakat moden dilihat semakin menuju ke arah cara hidup yang lebih cepat dan mementingkan diri sendiri (*selfish*), sombong (*arrogant*) dan tidak lagi mementingkan semangat perpaduan dan kekeluargaan. Sedangkan sikap sebegini merupakan asas penting untuk assabiyyah atau perpaduan sosial yang kuat. Malah Ibn Khaldun berpendapat bahawa sikap mementingkan diri sendiri masyarakat bandar sudah mengatasi kepentingan keluarga dan komuniti.

Dalam proses perubahan sosial dari kehidupan di luar bandar kepada kehidupan di bandar, kehidupan sederhana kepada kehidupan mewah dan kaya raya, tidak dapat dinafikan sistem kekeluargaan turut menerima kesan negatif yang amat ketara. Sehubungan ini, masa, pangkat dan wang ringgit menjadi taruhan manusia, bukan lagi perhubungan yang erat, persaudaraan, semangat setiakawan serta perpaduan yang kukuh (asabiyyah). Akibatnya masyarakat moden masa kini menerima kesan negatif yang dahsyat. Hubungan kekeluargaan yang semakin longgar

telah meninggalkan kesan negatif terutama sekali dari segi moral. Tidak hairanlah mengapa masalah-masalah seperti keganasan rumah tangga, penderaan anak, sumbang mahram serta masalah penculikan dan pembunuhan kanak-kanak telah mula menular di kalangan masyarakat Malaysia pada hari ini. Masalah-masalah seperti ini telah menghancurkan institusi keluarga (*family institution*) yang merupakan teras kepada masyarakat harmoni dan perpaduan sosial (*asabiyyah*). Gejala-gejala ini tidak boleh dipandang ringan dan memerlukan perhatian dari semua pihak.

Seterusnya kemewahan dan kehidupan moden turut menyebabkan sikap materialisme dan hedonisme wujud dalam kehidupan masyarakat masa kini. Sikap materialisme dan hedonisme yang dipelopori oleh masyarakat di Negara-negara Barat telah menular pula di kalangan masyarakat Asia termasuk juga golongan remaja dan belia di Malaysia hari ini. Sehubungan ini pegangan materialisme memfokuskan kepada aspek material (kebendaan) melebihi daripada aspek sosial dan kerohanian. Manusia dilihat begitu taksud dengan keduniaan semata-mata sehingga mengeneipkan unsur-unsur kerohanian. Justeru tidak hairanlah pegangan ini menyebabkan manusia hanya mengejar kemewahan dan kekayaan sehingga mengeneipkan nilai-nilai agama dan adat resam.

Manakala hedonisme pula merupakan suatu pegangan bahawa kebahagiaan merupakan matlamat sebenar dalam kehidupan manusia dan masyarakat. Manusia hanya mencari keseronokan dan kebahagiaan dalam hidup sehingga mengeneipkan ajaran agama. Corak kehidupan hedonisme atau mementingkan hiburan boleh memberi kesan kepada tujuan atau matlamat sebenar kehidupan mereka, contohnya krisis identiti, kelalaian tanggungjawab terhadap keluarga, agama, masyarakat dan negara.

Semua agama di dunia menekankan aspek keutuhan moral dan akhlak yang mulia serta melarang sebarang bentuk perbuatan yang boleh menyebabkan berlakunya masalah keruntuhan akhlak dan moral di kalangan masyarakat. Melalui konsep Islam Hadhari contohnya, salah satu aspek yang turut diberikan penekanan ialah keutuhan moral. Aspek ini dilihat sangat penting oleh pihak pemerintah dalam usaha untuk melahirkan generasi bangsa Malaysia yang mempunyai keperibadian luhur serta berakhlak mulia. Ajaran Islam amat menitikberatkan pemupukan nilai moral, prinsip etika dan akhlak yang mulia melalui penyemaian adab. Sehubungan ini dalam Surah Al-Furqan, Ayat 63, Allah berfirman :

“Dan hamba-hamba Al-Rahman (Tuhan Maha Pemurah) ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun, dan apabila orang-orang yang jahil (kurang adab) mengata-ngata mereka (secara bidad) mereka menjawab dengan perkataan yang selamat (daripada perkara yang tidak diingini).”

Nilai dan adab sopan turut mencerminkan keperibadian sesuatu bangsa itu. Sehubungan ini, Raja Ali Haji (1809-1972), seorang ulama', bangsawan, budayawan dan ilmuan Melayu yang terunggul pada abad ke 19 Masihi telah memperkatakan tradisi penyemaian dan penegakkan nilai moral, etika dan akhlak yang mulia di kalangan masyarakat Melayu tradisional seperti yang berikut :

*“Jika hendak mengenal orang berbangsa
Lihat kepada budi dan bahasa.” (Gurindam Dua Belas)*

Begitu juga pandangan Raja Ali Haji (1927) tentang kepentingan nilai dan akhlak manusia dalam Kitab Pengetahuan Bahasa, antara lain menyebutkan :

“Kelebihan manusia itu dengan akalnyanya dan baik abad budi bahasanya bukan dengan asalnyanya dan bangsanyanya (keturunan), yakni jikalau anak raja sekalipun jika tiada beradab dan bermalu dan bersopan, dan tiada berbahasa seperti bongkak, pongah tutur katanya, bangsat sombongnya, takbur membesar diri tingkah kelakuannya, jika raja besar sekalipun tiada kelebihannya tetapi kehinaan jua.”

Justeru, contoh-contoh di atas menunjukkan betapa pentingnya nilai moral dan akhlak dalam

membentuk keperibadian sesebuah masyarakat. Namun begitu, gejala-gejala sosial dan sistem nilai yang musnah seperti yang dibincangkan di atas telah meruntuhkan perhubungan yang erat di antara individu dan masyarakat. Tumpuan kehidupan manusia masa kini hanya untuk kepentingan diri sendiri semata-mata tanpa perlu memikirkan tentang perasaan orang lain. Jurang antara individu wujud dengan ketara akibat perbezaan status, kekayaan serta sudut pandangan yang seterusnya turut mengakibatkan musnahnya perpaduan sosial dan semangat setiakawan (*assabiyyah*) itu sendiri.

Malaysia turut terjebak dalam kancah masalah sosial yang sama dan boleh mengakibatkan keruntuhan perpaduan sosial sekiranya tidak ditangani secara bijak. Justeru penulis berpendapat konsep *asabiyyah* Ibn Khaldun mempunyai relevansinya untuk dijadikan kerangka kepada perpaduan etnik di Malaysia memandangkan Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk. Justeru konsep *Asabiyyah* Ibn Khaldun boleh diaplikasikan dalam beberapa cara atau kaedah dalam konteks hubungan etnik di Malaysia ini. Antaranya ialah ;

Kehidupan Yang Seimbang dan Sederhana

Semua agama di dunia ini menekankan aspek keseimbangan (*moderate*) dan kesederhanaan dalam kehidupan. Dalam ajaran Islam contohnya, konsep kesederhanaan dan keseimbangan ini dapat dirujuk dalam ayat-ayat Al-Quran serta hadis Nabi Muhammad (s.a.w). Dalam Surah Al-Furqan Ayat 67, Allah berfirman :

“Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.”

Demikian juga dalam Surah Al-Qasas, Ayat 77, Allah berfirman yang bermaksud :

“Dan tuntutan dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia...”

Walaupun Malaysia sedang mengalami proses pembangunan dan pemodenan, namun sifat kehidupan yang sederhana dan seimbang perlu digalakkan supaya masyarakat Malaysia tidak menjadi masyarakat yang individualistik dan materialistik. Nilai murni dan kesederhanaan ini turut menjadi agenda pemimpin Malaysia masa kini melalui konsep Islam Hadhari serta turut diajar oleh kebanyakan agama di negara ini.

Pengukuhan Institusi kekeluargaan

Semangat kekeluargaan dan persaudaraan perlu diperkukuhkan dan dimantapkan oleh semua anggota masyarakat untuk mencapai pembangunan yang seimbang baik dari segi material mahupun spiritual. Sehubungan ini peranan ibu bapa adalah sangat penting dalam memberikan dan menekankan ajaran agama dan adat resam serta tatasusila kepada anak-anak. Ibu bapa perlu mengambil berat mengenai kegiatan dan tingkah laku anak-anak mereka sepanjang masa. Tidak dapat dinafikan arus pemodenan yang melanda negara hari ini menyebabkan masa dan ruang untuk ibu bapa bersama anak-anak mereka adalah terhad. Sedangkan anak-anak yang masih kecil dan juga anak-anak remaja masih memerlukan sokongan dan bimbingan serta perhatian dari ibu bapa mereka agar mereka tidak terpesong untuk melakukan perbuatan yang bersalahan dari segi undang-undang dan agama.

Pembangunan Modal Insan

Aspek modal insan juga perlu dijadikan acuan dalam pembinaan Bangsa Malaysia. Malah pembangunan modal insan ini telah menjadi agenda penting pihak pemerintah dalam usaha untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu, progresif, mempunyai nilai-nilai murni, beretika, berdisiplin, dinamik, berdaya tahan tinggi, berinovasi, sihat, cekal, kreatif, berintegrasi dan berdaya saing tinggi. Pembangunan modal insan ini penting kerana hanya dengan memiliki *personality* unggul (*towering personality*), masyarakat Malaysia dapat menentukan hala tuju

dalam pembangunan dan kemakmuran negara di masa hadapan. Masyarakat Malaysia perlu memantapkan modal insan dalam kehidupan mereka demi untuk mewujudkan satu Bangsa Malaysia yang adil dan progresif dalam semua bidang.

Memperkasa Ilmu Pengetahuan

Penguasaan pelbagai ilmu pengetahuan juga merupakan satu syarat penting untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang mempunyai pengetahuan luas dan mampu bersaing di peringkat nasional mahupun global. Malah semua agama di dunia ini menggalakkan penganutnya menguasai pelbagai ilmu pengetahuan. Dalam ajaran Islam contohnya, Allah meletakkan martabat yang tinggi dan mulia bagi setiap umat Islam yang berusaha untuk mencari ilmu. Manakala dalam sebuah hadis nabi ada dinyatakan antara lain “Tuntutlah ilmu walaupun sampai ke negeri China”.

Keseimbangan di antara ilmu duniawi dan ilmu agama dapat melahirkan insan yang berperibadi mulia dan seimbang pembangunan rohani dan jasmaninya. Aspek ini perlu diambil kira terutama bagi golongan muda yang bakal menerajui kepimpinan negara. Hanya dengan memiliki ilmu dan akhlak yang luhur golongan muda di Malaysia dapat menjadi agen perubahan untuk membawa hala tuju negara ke arah kemajuan, kesejahteraan dan kemakmuran Negara.

Kesimpulan

Walaupun konsep Asabiyyah atau perpaduan sosial diperkenalkan oleh Ibn Khaldun pada abad ke 14 Masihi namun konsep ini masih relevan untuk kita aplikasikan dalam konteks perpaduan dan pengukuhan hubungan etnik di Malaysia sehingga hari ini. Konsep Asabiyyah Ibn Khaldun ini adalah bersifat sepanjang zaman dan sangat bersesuaian dengan suasana dan corak masyarakat Malaysia yang multi etnik. Oleh itu penulis mendapati konsep ini masih sesuai dipakai dalam kajian tentang hubungan etnik dan perpaduan kaum di Malaysia masa kini.

Adalah sangat wajar untuk pihak pemerintah di Malaysia menggunakan konsep Asabiyyah Ibn Khaldun ini dalam merencana dan mewujudkan pelbagai program dan dasar bagi mengukuhkan hubungan etnik di kalangan masyarakat Malaysia. Konsep Asabiyyah Ibn Khaldun ini dilihat sebagai satu formula atau mekanisme yang berkesan untuk mencapai integrasi nasional dalam konteks hubungan etnik di Malaysia. Sehubungan ini integrasi nasional hanya akan tercapai apabila kita sudah mula mengenali, memahami dan menghormati budaya setiap kaum yang ada di Malaysia. Aspek ini sangat penting untuk kita semua mengekalkan kemerdekaan, keselamatan dan keharmonian rakyat dan Negara Malaysia.

Harus difahami bahawa hanya semangat Asabiyyah yang positif sahaja yang perlu diamalkan dalam kehidupan masyarakat kerana dengan cara ini ia boleh mewujudkan perpaduan sosial yang kukuh tanpa ada jurang perbezaan dari segi etnik, agama dan status. Justeru, konsep Asabiyyah Ibn Khaldun amat menekankan aspek moral dan agama dalam usaha untuk melahirkan kelompok manusia yang berkepimpinan, beretika dan mempunyai peradaban yang tinggi. Maka, konsep Asabiyyah ini dapat dijadikan sebagai suatu landasan perubahan politik, sosial dan ekonomi dalam kalangan masyarakat Malaysia hari ini.

Rujukan

- Abdul Rahman, I., *et al.* (2006). *Nasionalisme dan revolusi di Malaysia dan Indonesia: Pengamatan sejarah*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Jayán, J. (1997). Perpaduan dan integrasi nasional. Dlm. Asnarulhadi Abu Samah & Jayun Jawan (Pnyt.), *Kenegaraan Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Fauzi, Y. (2004). *Sosiologi (terjemahan)*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

Muhd Halim, K. (Ed.) (2007). *Agama dan kehidupan, tamadun politik dan sosial*. Shah Alam: UPENA.

Raja Ali Haji. (1927). *Kitab pengetahuan bahasa*. Singapura: Al-Ahmadiyah Press.

Siti Hawa, A. (2008). Empati sejarah menurut Ibn Khaldun. *Prosiding Seminar Antarabangsa Andalusia 1300 Tahun: Menyingkap Rahsia Kegemilangan Tamadun Di Barat*. Pulau Pinang: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

HAJJAH WAN AMINAH HAJI HASBULLAH, Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, Kelantan. waminah@kb.usm.my